KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAKLUMBALAS MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KEPADA NEWS STRAITS TIME MENGENAI ISU TULAR MOP LANTAI DIGUNAKAN UNTUK MEMBERSIHKAN KETUHAR GELOMBANG MIKRO

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum seorang pekerja di sebuah kedai serbaneka menggunakan mop lantai untuk membersihkan ketuhar gelombang mikro yang digunakan bagi memanaskan makanan yang dibeli di kedai tersebut yang tular di media sosial. KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) telah menjalankan siasatan berhubung isu yang tular tersebut dan mengenalpasti lokasi kedai serbaneka yang terlibat berada di Jalan Sultan Sulaiman, Kampung Attap, Kuala Lumpur.

Pasukan penguatkuasa kesihatan BKKM dari Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah menjalankan pemeriksaan terhadap premis terlibat pada 24 Januari 2022. Pihak premis mengakui kesilapan yang dilakukan oleh pekerja terlibat yang juga merupakan seorang pekerja warga asing. Sehubungan itu, dua (2) Notis di bawah Seksyen 32(B), Akta Makanan 1983 telah dikeluarkan kerana kegagalan mengekalkan perkakas dalam keadaan baik, mudah dibersihkan dan dinyahjangkitan termasuk makanan yang dijual melebihi tarikh luput. Amaran keras juga telah diberikan kepada premis dan pekerja agar tidak mengulangi perbuatan yang boleh menyebabkan penyakit merebak akibat pengendalian makanan yang tidak selamat.

KKM memandang serius isu kebersihan dan keselamatan makanan. Justeru KKM menyeru orang ramai terutama pemilik, pengusaha dan pengendali makanan untuk menjalankan tanggungjawab memastikan aspek keselamatan makanan terjaga. Pengabaian ke atas aspek kebersihan dan keselamatan makanan boleh menyebabkan

penyakit bawaan makanan dan air seperti kolera, tifoid, Hepatitis A, disentri, paratifiod serta keracunan makanan.

Sepanjang tahun 2022, 78,207 bilangan premis makanan telah diperiksa dan 1,439 buah premis makanan telah ditutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983. Selain itu, sebanyak 27,706 Notis 32(B) telah dikeluarkan di atas pelbagai kesalahan berkaitan keselamatan makanan, pengendalian makanan yang tidak bersih termasuk kebersihan diri dan kegagalan mendapatkan suntikan tifoid. Manakala 240 Operasi Khas (Ops Bersih) telah dijalankan di seluruh negara. Bagi Januari 2023, sehingga kini 1758 buah premis makanan telah diperiksa dan 51 buah premis makanan telah ditutup di samping 750 Notis 32(B) telah dikeluarkan. KKM akan terus menjalankan pemeriksaan rutin premis makanan di samping *Ops* Premis bagi meningkatkam pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui melayari laman sesawang http://moh.spab.gov.my atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

24 Januari 2023

GAMBAR TULAR **MOP LANTAI DIGUNAKAN UNTUK MEMBERSIHKAN KETUHAR GELOMBANG MIKRO DAN PEMERIKSAAN OLEH PASUKAN PENGUATKUASA JKWPKL & PUTRAJAYA**